



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS : PEDAGOGI
KOD KURSUS : BBD 10302
KOD PROGRAM : 2 BBE, 2 BBB, 2 BBC
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2014 / JANUARI 2015
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : SOALAN INI TERDIRI DARIPADA 2
BAHAGIAN IAITU BAHAGIAN A
DAN BAHAGIAN B. SILA JAWAB
KE SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **TUJUH BELAS** (17) MUKA SURAT

BAHAGIAN A

(Masa: 45 minit)

Anda dikehendaki menyediakan satu rancangan mengajar harian semasa latihan mengajar seperti format berikut. Tajuk rancangan mengajar mengikut kursus yang anda ikuti sekarang. Sila gunakan kertas jawapan yang disediakan.

MATA PELAJARAN : _____ **TARIKH:** _____

TINGKATAN/KELAS : _____ **BIL. PELAJAR:** _____

TEMPAT : _____ **MASA :** _____

TAJUK : _____

OBJEKTIF :

PADA AKHIR PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PELAJAR DAPAT :

PENGETAHUAN SEDIA ADA:

ALAT/BAHAN BANTU MENGAJAR (ABBM) :

PENGURUSAN KELAS/ LANGKAH KESELAMATAN :

PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI:

SESI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

MASA	ISI PELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	ABBM / CATATAN
	Pengenalan/ Pra pengajaran			
	Set Induksi :			
	Penyampaian isi :			
		Penutup:		

(25 markah)

BAHAGIAN B
(Masa: 75 minit)

- S1** Apakah Elemen yang terdapat di dalam pengajaran?
- i. Isi pelajaran
 - ii. Strategi pengajaran
 - iii. Kawalan kelas
 - iv. Motivasi diri
- A i,ii, iii dan iv
B ii,iii, dan iv
C i,ii dan iii
D i,ii dan iv
- S2** Antara berikut adalah aspek-aspek pedagogi , **KECUALI**
- A Pengurusan Bilik darjah
 - B Kaedah Pengajaran
 - C Gaya Penilaian
 - D Gaya Pengajaran
- S3** Pengertian pembelajaran adalah
- A Satu tindakan yang bertujuan untuk membawa perubahan dari segi kepercayaan, nilai dan makna
 - B Proses perubahan tingkahlaku yang tidak tetap dan berlaku kerana pengalaman yang sedikit
 - C Proses perubahan tingkahlaku yang agak tetap dan berlaku kerana pengalaman atau latihan yang diteguhkan
 - D Satu proses penyampaian ilmu pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai
- S4** Guru berasal daripada bahasa Sanskrit. Maksud “Gu” dan “Ru” ialah
- A “Gu” ialah gelap, kegelapan, dan kesesatan. “Ru” ialah cahaya, keterangan, kebenaran dan lurus.
 - B “Gu” ialah cahaya, keterangan, kebenaran dan lurus. “Ru” ialah gelap, kegelapan, dan kesesatan.
 - C “Gu” ialah jalan yang lurus untuk mencapai kejayaan. “Ru” ialah membawa anak murid ke arah kemungkaran.
 - D “Gu” ialah mencari keredaan Allah. “Ru” ialah pembawa ke arah jalan yang terang.

- S5** Berikut adalah ciri-ciri ekstrovert **KECUALI**
- i. Suka berinteraksi dan mudah putus asa
 - ii. Berfikiran terbuka dan suka menyendiri
 - iii. Tidak mudah tersinggung
 - iv. Boleh memimpin
- A i dan ii
B i, ii dan iii
C iii dan iv
D Semua di atas
- S6** Ganjaran kumpulan, kebertanggungjawaban individu, dan peluang yang sama untuk berjaya tiga konsep di atas berkait dengan pendekatan
- A Pendekatan deduktif
B Pendekatan bermain sambil belajar
C Pendekatan induktif
D Pendekatan koperatif
- S7** Dengan menggunakan strategi ini, guru boleh menyampaikan pelajarannya dengan lebih mudah, menarik serta berkesan manakala murid pula boleh memahami pelajaran dengan lebih bermakna serta boleh menjalankan aktiviti pembelajaran dengan secara sendiri atau secara kumpulan.
- A Pendekatan koperatif
B Strategi berpusatkan bahan
C Pendekatan induktif
D Strategi berpusatkan pelajar
- S8** Menurut Mok Soon Sang 2001 kaedah ini merupakan salah satu kaedah mengajar yang sesuai digunakan dalam pengajaran pelbagai mata pelajaran, khususnya Matematik, Sains dan Bahasa. Berdasarkan kenyataan ini kaedah yang digunakan ialah
- A Kaedah pengajaran berpusatkan guru
B Kaedah koperatif
C Kaedah induktif
D Kaedah berpusatkan pelajar

S9 Antara berikut yang manakah Konsep Deduktif

- i. Mempelajari sesuatu berdasarkan sesuatu hukum.
- ii. Satu produksi fakta untuk membuktikan satu pernyataan umum.
- iii. Menganalisa fakta yang membentuk generalisasi.
- iv. Membuat satu penghuraian daripada umum kepada khusus.

- A i,ii dan iii
- B i dan ii
- C ii dan iii
- D Semua di atas

- INKUIRI- PENEMUAN
- SUMBANG- SARAAN
- PERBINCANGAN
- PEMBELAJARAN KOPERATIF

S10 Kaedah-kaedah di atas digunakan untuk

- A Pendekatan berpusatkan bahan
- B Pendekatan deduktif
- C Pendekatan induktif
- D Pendekatan berpusatkan pelajar

S11 Berikut merupakan kaedah saintifik dalam Kemahiran Proses Sains. Pilih langkah-langkah yang betul mengikut urutan

- i. Mengumpul, memproses dan membentuk jadual atau ringkasan data
- ii. Menentukan masalah dan membentuk hipotesis
- iii. Membuat rumusan daripada hasil-hasil kajian dan laporan
- iv. Rekabentuk kajian dan tentukan teknik pengumpulan data

- A ii,i,iv,iii
- B iv,iii,i,ii
- C ii,iv,i,iii
- D i,ii,iii,iv

S12 Apakah penerangan yang sesuai mengenai Behaviorisme?

- A Mendisiplinkan minda iaitu untuk meningkatkan kebolehan untuk berhujah bagi mencari kebenaran.
- B Pembelajaran adalah satu proses yang aktif dan perlu wujud dalam suasana yang bermakna bagi pelajar.
- C Menganggap pelajar mempunyai peranan yang pasif sebagai penerima rangsangan yang perlu diberi respon.
- D Menganggap guru sebagai fasilitator dalam pembelajaran

S13 Terdapat peringkat-peringkat untuk memahami bacaan. Antaranya ialah

- i. Aplikasi
- ii. Literal
- iii. Inferens
- iv. Penilaian

- A i dan iv
- B ii, iii dan iv
- C i, ii dan iii
- D i, ii, iii dan iv

	KOMUNIKASI VERBAL	KOMUNIKASI NON-VERBAL
I	Proses mendengar mesej yang disampaikan oleh orang lain secara lisan.	Proses menggunakan pergerakan badan termasuklah tangan, espresi muka dan sebagainya.
Ii	Senyuman guru boleh bertujuan memberi penegasan terhadap jawapan pelajar yang betul	Guru berkomunikasi secara lisan untuk membantu penguasaan dan pemahaman, pengetahuan, kemahiran, prosedur dan sikap dalam bilik darjah.
Iii	Pertuturan guru haruslah lantang supaya pelajar dapat mendengar dengan jelas.	Proses menggunakan pergerakan badan termasuklah tangan, espresi muka dan sebagainya.

S14 Rajah di atas menunjukkan bentuk-bentuk komunikasi verbal dan non-verbal. Berdasarkan maklumat yang diberikan, pilih padanan yang betul.

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. i dan iii
- D. Semua di atas

S15 Antara berikut, apakah perkara penting yang perlu diambil kira semasa pemilihan kaedah pengajaran yang berkesan?

- i. Penglibatan yang aktif dalam pengajaran dan pembelajaran.
- ii. Memenuhi kehendak kurikulum.
- iii. Motivasi kepada pelajar.
- iv. Memenuhi keperluan pendidikan

- A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i, ii, iii dan iv

S16 Nyatakan kemahiran generik yang perlu ada pada seseorang pendidik

- i. Kemahiran kepimpinan
- ii. Kemahiran penyampaian
- iii. Kemahiran pengurusan dan pelaksanaan
- iv. Kemahiran komunikasi

- A i dan ii
B ii dan iv
C iii dan iv
D Semua di atas

S17 Apakah yang dimaksudkan dengan variasi ransangan?

- A Teknik mempelbagaikan kaedah dan teknik penyampaian guru dengan menggunakan alat bantu mengajar untuk menarik minat pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- B Teknik mempelbagaikan kaedah dan teknik penyampaian guru dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang dapat merangsang kemahiran dan pemikiran pelajar.
- C Teknik mempelbagaikan kaedah dan teknik penyampaian guru dengan tujuan menarik perhatian dan minat pelajar dalam aktiviti pengajarannya.
- D Mempelbagaikan teknik dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

S18 Antara berikut, yang manakah tujuan penggunaan alat dan bahan bantu mengajar?

- i. Membantu pelajar memperbaiki kemahiran membaca dan kemahiran lain
- ii. Mencetuskan minat pelajar dalam pembelajaran
- iii. Pengajaran guru akan lebih mudah
- iv. Ilustrasi atau mengukuhkan kemahiran, fakta atau idea

- A i dan ii
B i, ii dan iii
C ii, iii dan iv
D i, ii, iii, iv

- S19** Berikut merupakan antara kemahiran pengajaran yang perlu ada bagi seorang guru.
KECUALI
- A Kemahiran membuka
 - B Kemahiran menerang
 - C Kemahiran menyoal
 - D Kemahiran penutup
- S20** Kemahiran ini merupakan suatu kemahiran yang amat kompleks. Sekiranya kemahiran ini digunakan dengan berkesan, tahap prestasi pelajar akan meningkat dan proses pengajaran dan pembelajaran akan bertambah aktif dan lebih memberangsangkan. Apakah bentuk kemahiran yang dinyatakan?
- A Kemahiran pengukuhan
 - B Kemahiran menilai hasil pembelajaran
 - C Kemahiran menyoal
 - D Kemahiran variasi rangsangan
- S21** Mengapakah penilaian sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran?
- A Proses pengajaran dan pembelajaran dapat membantu guru mengesan perkembangan, keupayaan dan pencapaian dalam sesuatu subjek.
 - B Proses penilaian dapat membantu guru semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.
 - C Proses mengesan perkembangan, kebolehan, keupayaan dan pencapaian pelajar.
 - D Untuk mengetahui perkembangan dan pencapaian dalam diri pelajar
- S22** Menurut Taksonomi Bloom pengajaran terbahagi kepada bidang-bidang berikut. Nyatakan 3 bidang tersebut.
- A Elektif, Rohani, Psikomotor
 - B Kognitif, Efektif, Psikomotor
 - C Elektif, , Kognitif, Psikomotor
 - D Rohani, Psikomotor, Kognitif

- S23** Pengajaran sebagai sains banyak membantu pelajar dalam proses pembelajaran. Antara kelebihanannya adalah
- Meningkatkan potensi intelektual pelajar
 - Lebih berpusat pada pelajar
 - Dapat mengembangkan bakat pelajar
 - Mengelakan pelajar daripada belajar dengan cara menghafal.
- A i, ii, iv
B i, ii, iii
C ii, iii, iv
D i, ii, iii, iv
- S24** Model pengajaran glaser menentukan objektif
- Tingkah laku sedia ada
 - Prosedur pengajaran
 - Penilaian prestasi
 - Hasil pembelajaran
- A i, iii dan iv
B i dan iii
C i, ii dan iii
D Semua di atas
- S25** Model pengajaran manakah yang menekankan proses pemikiran induktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- A Model Pengajaran bilik darjah
B Model Sim
C Model Glaser
D Model Taba
- S26** Satu kaedah di mana guru menggalakkan pelajaranya memberi idea sebanyak yang mungkin secara berterusan. Definisi di atas merujuk kepada?
- A Inkuiri
B Perbincangan
C Pengajaran berkesan
D Sumbang saran

- S27** Berikut merupakan kemahiran manipulatif yang pelajar dapat aplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran kecuali
- A Berfikir secara rasional
 - B Kemahiran menyelesaikan masalah
 - C Berfikir secara kritis
 - D Kemahiran mentafsir
- S28** Pilih kaedah yang betul dalam menerapkan pemikiran kritis kepada murid
- i. Menggunakan soalan-soalan yang sesuai dengan tahap kognitid murid
 - ii. Memberikan soalan-soalan yang lebih sukar kepada murid yang lemah
 - iii. Menggalakan murid-murid membuat perbandingan isi jawapan yang diberikan oleh rakan sebaya samada baik atau lemah
 - iv. Menggalakan perbincangan dan aktiviti menyelesaikan masalah dalam bilik darjah
- A i,ii dan iii
 - B i,ii dan iv
 - C ii, iii dan iv
 - D i,iii dan iv
- S29** Antara perkara yang diberi perhatian dalam penggunaan pendekatan konstruktivisme ialah
- i. Melaksanakan pengajaran berpusatkan pelajar
 - ii. Menggalakkan pelajar menghormati pandangan alternatif rakan mereka
 - iii. Memberi peluang kepada pelajar berkongsi persepsi antara satu sama lain
 - iv. Menekankan lebih pembelajaran dan bukan pengajaran sahaja
- A i, ii dan iii
 - B ii, iii dan iv
 - C i, ii, dan iv
 - D i, ii, iii dan iv
- S30** Mengikut teori Pavlov (1966), kaitan antara rangsangan dan gerak balas dapat dikukuhkan oleh guru melalui aktiviti
- A Motivasi
 - B Latihan
 - C Ganjaran
 - D Pelaziman

S31 Nyatakan jenis pendekatan yang dimaksudkan

- Guru bertindak sebagai penyampai
- Murid bertindak hanya sebagai penerima dan akur dengan apa yang disampaikan oleh guru tanpa sebarang respon.
- Suasana pembelajaran lebih terancang dan mudah dikawal.

- A Objektivisme
- B Konstruktivisme
- C Humanis
- D Behaviorisme

S32 Apakah ciri-ciri pengajaran dan pembelajaran modul?

- i. Mempunyai objektif pelajaran yang khusus agar pencapaian murid dapat diukur selepas aktiviti pembelajaran
- ii. Turutan unit-unit pelajaran adalah disusun daripada mudah ke kompleks
- iii. Guru membiarkan sesi pembelajaran tanpa bimbingannya
- iv. Penilaian terhadap murid diadakan selepas pembelajaran setiap unit pelajaran

- A i, dan iii
- B ii dan iii
- C i,ii dan iv
- D i, ii, iii, iv

S33 Antara berikut, manakah tujuan memilih kaedah pengajaran.

- i. Menarik minat murid
- ii. Mengekalkan perhatian
- iii. Membangkitkan rasa ingin tahu
- iv. Menyampaikan isi pelajaran dengan berkesan.

- A i, ii, dan iii
- B i, ii, dan iv
- C i, iii, dan iv
- D i, ii, iii dan iv

S34 Terdapat beberapa jenis kaedah pengajaran yang boleh di gunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, **KECUALI**

- A Kaedah sehala
- B Kaedah interaktif
- C Kaedah simulasi
- D Kaedah andragogi

- S35** Pilih pernyataan yang menerangkan tentang kelemahan kaedah syarahan
- Pembelajaran menjadi lambat kerana sesuatu aturcara atau prosedur dijalankan langkah demi langkah
 - melibatkan interaksi sehalu di antara guru dan murid
 - Pelajar cepat bosan kerana guru cenderung membaca teks
 - Memerlukan banyak masa untuk membuat persediaannya
- A i, ii
B ii, iii
C i, ii, iii
D i, ii, iii, dan iv
- S36** Kebaikan penggunaan pengajaran berkomputer adalah seperti berikut **KECUALI**
- Pelajar dan guru dapat berkomunikasi dan berkongsi maklumat dengan lebih mudah.
 - Mempermudah tugas guru serta meningkatkan prestasi guru.
 - Menjadikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan berkesan.
 - Guru dapat mengajar semua subjek melalui aplikasi komputer.
- S37** Antara prinsip andragogi ialah
- Pembelajaran diurus dan hala tujuanya ditentukan sendiri oleh pelajar.
 - Tidak memerlukan bimbingan dalam proses pembelajaran.
 - Pembelajaran perlu ada hubungkait dengan kehidupan seharian dan pekerjaan.
 - Pengalaman dan persekitaran pelajar dijadikan sumber pembelajaran.
- A i, ii dan iii
B i, iii dan iv
C ii, iii dan iv
D i, ii, iii dan iv
- S38** Kaedah interaktif terbahagi kepada tiga **KECUALI**
- Buzz.
 - Perbincangan.
 - Sumbangsaan
 - Main peranan

- S39** Manakah di antara berikut merupakan prinsip dan langkah – langkah semasa lawatan dilakukan.
- Memastikan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti lawatan
 - Memberi penerangan kepada pelajar apabila mereka menunjukkan keraguan.
 - Memilih tempat yang berkaitan.
 - Memberi taklimat kepada pelajar tentang keselamatan, tingkah laku, tujuan serta perkara- perkara yang perlu diperhatikan.
- A i dan iii
B i, ii dan iii
C ii dan iv
D i dan ii
- S40** Apakah jenis aras soalan yang sesuai melalui penerangan yang diberikan seperti di bawah ini
- “Cikgu Zainab mempunyai kebolehan dalam memperbaharui resipi masakan dalam matapelajaran Kemahiran Hidup oleh pelajar tingkatan 3 . Melalui tindakan yang ditunjukkan oleh Cikgu Zainab objektif pengajaran kognitif berada pada aras”
- A Sintesis
B Penilaian
C Kefahaman
D Aplikasi
- S41** Seorang guru perlu bijak dalam menerima dan memahami apa-apa jawapan yang diberikan oleh pelajar kerana dengan pengetahuan tersebut guru dapat
- A Berinteraksi dengan pelajar secara aktif tanpa menyinggung perasaan pelajar tersebut
B Mewujudkan corak interaksi yang boleh membantu pengajaran dan pembelajaran
C Dapat menyampaikan ilmu pengetahuan dengan berkesan
D Melahirkan individu yang cergas dan bijak
- S42** Kemahiran penutup terbahagi kepada dua iaitu penutup kognitif dan penutup sosial. Penutup Kognitif bertujuan untuk mengukuhkan segala isi pelajaran dan kemahiran yang telah dipelajari. Apakah tujuan Penutup Sosial?
- A Bertujuan untuk memberi satu perasaan pencapaian kepada pelajar-pelajar supaya mereka ingin terus belajar.
B Untuk menolong guru memberi tumpuan dalam penguasaan hasil pembelajaran.
C Bertujuan untuk menyatakan apa yang perlu dikuasai oleh pelajar.
D Bertujuan untuk membantu guru dalam merancang dan menggunakan pelbagai kaedah pembelajaran dan alat bantu mengajar yang berkesan untuk pelajar menguasai hasil pembelajaran itu.

- S43** Kemahiran variasi ransangan penting dalam pembelajaran kerana
- A Mengalihkan perhatian pelajar dan mengubah persepsi terhadap aktiviti pengajaran.
 - B Melibatkan murid secara aktif dalam pelbagai aktiviti pengajaran pembelajaran.
 - C Tidak memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan pelbagai deria untuk mengikuti pembelajaran.
 - D Naluri ingin tahu murid melalui pelbagai aktiviti oleh guru menjadikan objektif pengajaran tersasar.
- S44** Antara yang berikut, manakah ciri-ciri yang tepat menentukan Jadual Penentu Pengajaran (JPP)?
- i. JPP menyenaraikan aras yang diuji samada pengetahuan, kefahaman , aplikasi, sintesis atau penilaian.
 - ii. JPP akan memastikan samada unit-unit pembelajaran boleh dikuasai baik oleh pelajar.
 - iii. JPP menentukan tajuk yang akan diajar dan diuji.
 - iv. JPP digunakan untuk menguji kemahiran kanak-kanak.
- A i dan ii
 - B ii dan iv
 - C i, ii dan iii
 - D i,iii dan iv
- S45** Apakah kepentingan Rancangan Pengajaran Harian.
- i. Meningkatkan keyakinan guru sebelum masuk mengajar
 - ii. Merancang dengan teliti setiap komponen pengajaran
 - iii. Membantu guru mengajar mengikut kehendaknya
 - iv. Mengehadkan skop yang diajar dalam sesuatu jangka waktu
- A i dan ii
 - B i,ii dan iii
 - C i,ii dan iv
 - D I, ii, iii dan iv

S46 Penilaian formatif adalah dijalankan bagi

- i. Memberi maklumat kepada pengajar tentang kemajuan sesuatu program atau proses pengajaran.
- ii. Menguji kebolehan asas pelajar sebelum mereka mengikuti sesuatu pelajaran atau kursus.
- iii. Memberi tumpuan kepada proses pengajaran.
- iv. Menentukan kedudukan dan pencapaian muktamad pelajar pada akhir program.

- A i dan ii
B i dan iii
C ii, iii, dan iv
D iii dan iv

S47 Akauntabiliti Dalam Pengajaran dan Pembelajaran merujuk kepada

- i. Sentiasa berusaha meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran
- ii. Menilai kemajuan pelajar secara adil dan saksama dan mengambil tindakan susulan untuk mengatasi kelemahan mereka
- iii. Sentiasa bersedia membimbing pelajar
- iv. Hanya merujuk kepada panduan pengajaran tanpa mengambil kira masalah pelajar.

- A i dan iii
B i dan iv
C i, ii dan iv
D i, ii dan iii

S48 Pilih pernyataan yang benar mengenai pembelajaran berpusatkan guru?

- i. Pembelajaran berpusatkan guru juga dikenali sebagai kaedah tradisional
- ii. Guru mempunyai kuasa dan mengawal sepenuhnya pembelajaran
- iii. Guru perlu mempunyai ketinggian ilmu pengetahuan
- iv. Guru menyerahkan sepenuhnya kepada murid

- A i dan ii
B i,ii, dan iii
C ii,iii dan iv
D I, ii, iii dan iv

- S49** Pilih kenyataan yang benar tentang kebaikan Kaedah Projek.
- i. Pendekatan projek meliputi domain kognitif, afektif, dan psikomotor.
 - ii. Penyertaan murid dalam perancangan digalakkan. Ini menambahkan lagi minat dan motivasi.
 - iii. Tekanan adalah pada aktiviti yang dibuat oleh murid.
 - iv. Dapat mengembangkan sikap tanggungjawab dan inisiatif pada murid-murid.
- A i dan ii
B iv sahaja
C i, iii, dan iv
D i, ii, iii dan iv.
- S50** Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan ciri- ciri peringkat aras soalan sintesis?
- A Minda atau pemikiran seseorang yang dikemukakan dengan soalan aras pengetahuan tidak perlu bekerja keras mencari jawapan atau penyelesaian masalah yang dikehendaki.
 - B Memerlukan pengetahuan dan kefahaman tentang perkara untuk menyelesaikan suatu masalah.
 - C Memerlukan pelajar membuat ramalan, idea dan cadangan
 - D Memerlukan pelajar mengetahui jawapannya melalui ingatan dan kemudiannya menerangkan jawapan itu secara jelas dengan menggunakan perkataan sendiri

(75 markah)